



Jika mahu disenaraikan segala label kontemporari tentang lelaki, gelaran yang memuji lelaki dan tidak kurang juga kumpulan kata-kata yang menghina serta mengutuk kaum lelaki hari ini, rasanya terlalu banyak masa dan helaian kertas yang diperlukan. Malah, apabila senarai itu siap kelak pasti masih ada label lain tentang lelaki yang tidak terkandung di dalamnya. Ini realiti kehidupan si lelaki moden yang hidupnya kadangkala berkait rapat, tetapi lazimnya langsung tiada kena-mengena dengan label yang diberikan kepadanya.

Ambil contoh mudah, apa yang anda faham dengan label lelaki heteroseksual atau lelaki *macho*? Bagaimana pula dengan label homoseksual atau transeksual yang semakin kerap kita dengar dewasa ini? Pernah anda terbaca atau mendengar tentang lelaki metroseksual atau uberseksual yang kononnya melambangkan lelaki zaman moden sejati yang perlu kita contohi? Kenalkah anda dengan lelaki yang bergelar buaya darat atau jantan miang yang kerjanya merosakkan kaum wanita? Sepanjang hidup anda, pernah anda bertemu dengan lelaki lembut, lelaki pondan atau lelaki tiruan ala mak nyah? Bagaimana pula dengan mat jiwang atau mat rempit? Jika saya minta anda senaraikan sepuluh kriteria untuk setiap satu label ini, yakinkah anda bahawa anda telah memberi jawapan yang jelas dan tepat dan tidak bercanggah dengan realiti kehidupan kaum lelaki zaman moden pada era pascamilenium?

Anda dan saya tidak perlu menjadi seorang profesor, saintis sosial atau penyelidik pakar untuk sedar bahawa begitu banyak label yang diberikan kepada lelaki hari ini sehinggakan lelaki sendiri menjadi pening dalam menentukan siapa atau apa mereka yang sebenarnya. Namun, masalah paling besar dengan penggunaan label yang telah saya

senaraikan adalah kesemuanya kurang tepat malah ada juga yang langsung tidak tepat dalam memberi pengertian terbaik tentang lelaki, label berkenaan juga gagal memperjelaskan tentang kedudukan lelaki moden dalam strata sosial serta tidak dapat memberi gambaran jelas tentang keadaan hidup lelaki hari ini yang cuba dilabel.

Label sosial yang saya senaraikan tadi juga tidak boleh dipercayai kerana ia sentiasa berubah mengikut masa dan tempat, serta menurut cita rasa peribadi siapa yang menggunakan label berkenaan dan untuk tujuan apa label itu digunakan. Misalnya, apabila sekumpulan lelaki *macho* memanggil sekumpulan lelaki lain 'pondan' atau 'mak nyah' adakah ia kerana mereka benar-benar pondan, mak nyah atau sekadar untuk mengejek dan menghina tanpa sebab jelas? Bagaimana pula dengan kumpulan lelaki yang dipanggil pondan atau mak nyah itu, adakah mereka sendiri melihat diri mereka sebagai pondan atau mak nyah? Atau mungkin mereka mempunyai persepsi berbeza tentang diri mereka yang kurang jelas difahami oleh kelompok lelaki 'biasa'? Bagaimana pula jika anda terlihat seorang lelaki yang lembut perwatakannya, adakah lelaki itu juga seorang pondan atau mak nyah?

Apa pula kisahnya dengan mat (dan tidak lupa juga minah) rempit yang semakin mendapat pendedahan eksklusif media massa arus perdana hingga ada yang diberi hadiah percutian ekstrem di kutub? Adakah kita pasti bahawa setiap kali kita terdengar bunyi motosikal di luar rumah, kenderaan itu sedang ditunggang oleh mat rempit? Jika anda diminta untuk melukis wajah seorang mat rempit tipikal, apa pula yang akan dilukis? Label sosial terutama yang negatif, sukar untuk digunakan di alam realiti. Malah label seperti mat rempit membawa makna yang buruk dan ia melambangkan lelaki yang tidak baik peribadinya. Memang benar ada

golongan muda lelaki yang bercita-cita bekerja di sarkas dan pintar melakukan lagak ngeri di atas jalan-jalan kampung dan kawasan taman perumahan. Namun, kita salah jika kita melabel semua remaja lelaki yang menunggang motosikal sebagai mat rempit. Yang pasti semakin kita fikirkan tentang hal ini, semakin banyak soalan yang akan ditanya!

Oleh kerana terlalu banyak label yang diberi kepada lelaki moden, saya juga turut teruja dan berkeinginan untuk memberi jenama baru kepada lelaki hari ini berdasarkan pengamatan peribadi dan dapatan kajian pakar lain setakat ini. Walau bagaimanapun, berbeza dengan label sedia ada, label baru yang ingin saya canangkan melalui buku ini diharap dapat menjadi aspirasi dan memberi inspirasi kepada lelaki moden era pascamilenium (seperti anda) agar kita semua dapat belajar untuk berubah, memperbaiki diri serta berevolusi demi masa depan serta untuk memastikan kaum lelaki sejati dapat terus kekal relevan di muka bumi Tuhan. Label yang saya maksudkan adalah lelaki neomaskulin. Tetapi, kenapa label 'neomaskulin' yang dipilih?

Sebab pertama, tidak lain tidak bukan kerana bunyinya agak canggih dan bernuansa futuristik (seperti protagonis Neo yang dilakonkan oleh Keanu Reeves dalam filem trilogi *The Matrix*, dan juga kerana gelaran Ultraman sudah diambil orang Jepun hingga ia kini menjadi tanda perniagaan berdaftar). Sebab kedua, kerana label neomaskulin tiada bau bacang dengan label lelaki yang berkaitan dengan seks seperti metroseksual atau uberseksual (melainkan jika perkataan 'maskulin' dianggap membawa konotasi lelaki yang kuat nafsu seks). Sebab ketiga dan yang paling penting, ketika mula menyelidik dan pada saat buku ini ditulis label neomaskulin masih neutral maka kita sebagai lelaki moden boleh sama-sama membuat pengisian sebaik mungkin kepada pengertian sang neomaskulin dan kemudian belajar

untuk menjadi lelaki neomaskulin sejati.

Perlu juga dinyatakan pada peringkat ini bahawa anda mungkin sudah memiliki beberapa (atau mungkin juga kesemua) kriteria utama untuk diberi gelaran lelaki neomaskulin (baca buku ini hingga ke muka akhir jika anda seorang lelaki yang memiliki daya ingin tahu yang tinggi dan inginkan kepastian). Seperti yang sudah dijelaskan di awal penggal ini lelaki neomaskulin (atau sang neomaskulin, terpulang kepada cita rasa anda) bukan seperti Neo yang menjadi hero dalam trilogi fiksyen sains *The Matrix*. Watak Neo di dalam filem itu hanya lahir dari khayalan semata-mata, melainkan anda benar-benar percaya bahawa kita semua memang sedang tinggal di alam imaginasi dan sekadar menjadi bateri mesin raksasa yang telah mengambil alih dunia.

Percaya atau tidak, lelaki neomaskulin yang saya akan gambarkan di dalam buku ini rupanya lebih kurang sama seperti anda dan saya sendiri. Malah tiada apa yang dapat membezakan reka bentuk fizikal lelaki neomaskulin daripada lelaki zaman moden yang membosankan kecuali si pemerhati memberi perhatian penuh dan menilai secara kritikal dengan fikiran yang terbuka. Berkulit cerah atau gelap atau sawo matang, pendek atau tinggi, gemuk atau kurus, tua atau muda, tidak kira agama, adat resam, fahaman politik atau latar belakang sosioekonomi – sesiapa saja boleh dan mampu menjadi lelaki neomaskulin! Dalam erti kata lain, label lelaki neomaskulin melangkau segala label sosial yang telah disebutkan dan secara harfiah (*literal*) ia membawa maksud 'lelaki baru'. Tetapi, bagaimana pula caranya untuk kita berkenalan lebih dekat dengan seorang lelaki neomaskulin yang juga boleh dianggap sebagai lelaki moden sejati di era pascamilenium?

